

06/08/2003

Bekas menteri Thailand kagumi Dr Mahathir

SANTUBONG: Bekas Menteri Luar Thailand, Dr Surin Abdul Halim Pitsuwan, berkata kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berwawasan, berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara maju dalam tempoh yang singkat.

Katanya, pencapaian negara dalam bidang ekonomi, pembangunan dan sosial kini menjadi sumber inspirasi pemimpin negara dunia ketiga untuk membangunkan negara mereka.

"Malaysia kini berada di hadapan berbanding negara serantau lain dalam pelbagai bidang, ia membuktikan negara kecil seperti Malaysia mampu bersaing dengan negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat.

"Lebih membanggakan ia sebuah negara Islam, apa lagi ditadbir seorang pemimpin Islam yang disegani pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum Islam bertajuk 'Cabaran Menjelang Globalisasi', anjuran Majlis Dakwah Islam Asia Tenggara dan Pasifik (Riseap) dengan kerjasama kerajaan Sarawak sempena Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Riseap Ke-20, di sini, malam kelmarin.

Surin berkata, Dr Mahathir turut dilabelkan sebagai pemimpin terulung di kalangan negara Islam ekoran kelantangan beliau bersuara dalam memperjuangkan isu umat Islam di seluruh dunia.

"Ini termasuk usaha dan keprihatinan beliau terhadap kezaliman Israel terhadap penduduk Palestin yang masih berlarutan hingga kini, selain serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq.

"Saya sendiri sering menjadikan Malaysia dan Dr Mahathir sebagai contoh negara dan tokoh pemimpin Islam yang berjaya dalam siri ceramah saya di seluruh dunia," katanya.